

nexnews

SESI TAKLIMAT JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN BRIEFING SESSION BY DEPARTMENT OF AGRICULTURE AND AGRIFOOD



Dari kiri Awang Alan Mikael bin Kuang, Penolong Pegawai Pemeliharaan Ternakan dari Unit Kemajuan Industri Ternakan, Awang Hirman Hj Ismail, Pegawai Pertanian Kanan dan Ketua Unit Kemajuan Industri Buah-Buahan dan Dayang Nurul Ehra Hayati binti Hj Mohd Hussin, Pegawai Pertanian dan Ketua Unit Kemajuan Industri Agrimakanan | *Department of Agriculture and Agrifood Officials*

Program pendedahan untuk pegawai dan rakan-rakan sekerja Nexus kepada pelbagai industri, diteruskan lagi pada hari Khamis, 12 November dengan sesi taklimat oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan bertempat di ibu pejabat Nexus, Kompleks Annajat. Taklimat berkisar mengenai skim-skim dan bantuan yang disediakan oleh jabatan berkenaan khusus kepada para usahawan yang berkecimpung dalam bidang pertanian termasuklah perladangan, penternakan dan pemprosesan makanan.

The programme to expose Nexus officers and associates to various industries, continued on Thursday, November 12 with a series of briefing sessions by officials from the Department of Agriculture and Agrifood, Ministry of Primary Resources and Tourism held at Nexus headquarters, Annajat Complex. The briefing sessions revolve around schemes and assistance provided by the department specifically for entrepreneurs who are involved in agriculture including plantations, livestock farming and food processing.



Rakan-rakan sekerja yang hadir dalam taklimat tersebut | *Associates attending the briefing*

PEMENANG KEDUA KONGSI PETUA KEMENANGAN MEREKA STARTUP BOOTCAMP 2ND PLACE WINNERS SHARE THEIR WINNING TIPS



Mohammad Sahlan Safwan bin Haji Suhaili, Mohammad Isa bin Haji Md Said dan Awangku Abdul Hadi Bin Pengiran Abdul Samad dari Meng-Game menerima sijil-sijil mereka dari Adam Flinter, jurulatih dari Syarikat Golden Equator Consulting
Meng-Game members receiving their certificates from Adam Flinter, the trainer from Golden Equator Consulting

NEXNEWS: APAKAN PETUA KEMENANGAN BISKITA SEMASA PITCH DAY? | WHAT WERE YOUR WINNING TIPS FOR PITCH DAY?

MENG-GAME: Lakukan saja. Itu adalah matlamat utama kami semasa persembahan. Kita semua mempunyai perasaan gementar diatas pentas dan ini adalah pitching pertama sepanjang kerjaya kami. Hanya. Persediaan awal sudah tentu diperlukan seperti apa yang perlu diperkatakan, skrip (jika perlu untuk memastikan susunan teratur, berhati-hati dengan had masa dan tidak berkongsi terlalu banyak dahulu) dan terus berlatih (di hadapan cermin, rakan, bos, walaupun di dalam kereta!).

Membaca sedikit tentang pasaran perniagaan dan sedia untuk sesi soal jawab. Tunjukkan kepada penonton daya tarikan yang dilakukan sebelum ini dan bagaimana kita menjalankannya walaupun dengan sedikit atau tiada pelaburan. Ini akan menunjukkan kepada penonton tentang komitmen kita kepada perniagaan ini. Bersemangat dengan idea perniagaan dan bagaimana berharganya ia bukan sahaja kepada kita sendiri tetapi untuk pasaran umum. Tawakal. Lakukan seperti yang diamalkan, jangan takut membuat kesilapan. Bersenda sedikit dan teruskan saja.

MENG-GAME: *Just do it. That was our main mindset during the pitch. We all had a fair share of stage fright and it was our very first pitching of our entire career. Just. Do. It. Prior preparations are of course required such as key points to be mentioned, scripts (if required to keep you organised, be wary of the time limit and don't share too much yet) and keep on practising (in front of the mirror, a friend, boss, even in the car!). Read a little bit more about the market of the business and keep it for the Q&A. Show the audience the traction you did previously and how you carry on even with little to no investment. This will show the audience on how committed you are to your business. Be passionate of your business idea of how it valuable not only to you but for the market in general. Tawakal. Do as practised, don't be afraid of making mistakes. Just giggle and push through it :D*

NEXNEWS: BOLEH KONGSIKAN SEDIKIT SEBANYAK MENGENAI PELAN PERNIAGAAN BISKITA? | CAN YOU TELL US A BIT MORE ABOUT YOUR BUSINESS PLAN?

MENG-GAME: Untuk fasa pertama, kami berharap untuk membina 20 komuniti permainan kami sendiri dengan menganjurkan pertandingan bulanan secara aktif (atas talian atau luar talian). Ini tidak terhad kepada penduduk tempatan sahaja, insya Allah, tetapi akan menjemput peserta antarabangsa juga.

Rancangan seperti menyediakan barangan permainan dan menawarkan perkhidmatan profesional kami kepada pelanggan korporat boleh dilaksanakan dalam fasa akan datang. Kami merahsiakan dulu butiran dan unsur-unsur kejutan buat masa ini. Doakan kami semuanya akan bergerak mengikut rancangan.

MENG-GAME: *For the first phase, we look forward to building our own circle of gaming community by actively organising monthly tournaments (both online & offline). This is not restricted to locals only, insya Allah, slowly but surely inviting international participants as well.*

Plans such as providing gaming merchandises and offering our professional services to corporate clients may be implemented in the coming phases. We'll safekeep the details & surprise elements for now. Pray for us everything will go according to plan ;)



Ketika membuat penyampaian
The team making their presentation during Pitch Day



NEXNEWS: BAGAIMANAKAH BISKITA AKAN MENGEMBANGKAN IDEA PERNIAGAAN SETERUSNYA? | HOW DO YOU PLAN TO TAKE YOUR BUSINESS IDEA FURTHER?

MENG-GAME: Kita perlu bersikap dinamik tetapi bergerak secara bebas dan berdaya saing. Kami sangat terbuka dan bersedia untuk menjalin Kerjasama tempatan dan antarabangsa tempatan / melalui perkongsian dan peluang pelaburan. Bukan itu sahaja, kami akan memastikan kami sentiasa kemas kini dengan permainan terkini, teknologi dan format kejohanan untuk memastikan kita kekal relevan,

teratas atau sekurang-kurangnya, setaraf dengan penganjur eSports antarabangsa yang lain.

MENG-GAME: *As independent/competitive we want to be, we have to be very dynamic. We are very much open and will be willing to listen to both local & international collaborations/partnership and investment opportunities. Not only that, we will be keeping ourselves updated with the latest games, technology, tournament formats to keep us stay relevant, well above or at least, on par with the other international eSports organisers.*

PEMENANG KETIGA KONGSI PETUA KEMENANGAN BELIAU STARTUP BOOTCAMP 3RD PLACE WINNER SHARES HIS WINNING TIPS



Abdullah Wafi Bin Haji Rusli menyampaikan pelan perniagaan
Abdullah Wafi Bin Haji Rusli presenting his business plan

NEXNEWS: APAKAH PETUA KEMENANGAN AWANG SEMASA PITCH DAY? | WHAT WERE YOUR WINNING TIPS FOR PITCH DAY?

WAFI: Berlatih dan terus berlatih dengan menghalusi penyampaian beberapa kali. Saya melakukannya sebanyak 20 kali

WAFI: Practice, practice, practice - refine pitch deck as many times as it takes. I had to revise mine over 20 times.

NEXNEWS: BOLEH AWANG KONGSIKAN SEDIKIT SEBANYAK MENGENAI PELAN PERNIAGAAN AWANG? | CAN YOU TELL US A BIT MORE ABOUT YOUR BUSINESS PLAN?

WAFI: Menghubungkan para karyawan tempatan dengan pelanggan mereka yang menghendaki bakat-bakat bagi keperluan perniagaan dan kreatif masing-masing

WAFI: Connecting local creatives to clients who require talents for their businesses, creative needs.

**TAKLIMAT
AKAN DATANG
UPCOMING
TALKS**

syariah

TAKLIMAT MENGENAI PELUANG PELABURAN PATUH SYARIAH

TARIKH: ISNIN, 16 NOV 2020
JAM: 8:30 PAGI
**TEMPAT: TINGKAT 2,
RUANG LEGAR,
IBU PEJABAT NEXUS**

**ACARA
AKAN DATANG
UPCOMING
EVENT**

MICRO BUSINESS BOOTCAMP SHARING SESSION

TARIKH: SELASA, 17 NOV 2020
JAM: 2:00 PTG
**TEMPAT: TINGKAT 2,
RUANG LEGAR,
IBU PEJABAT NEXUS**



Wafi menerima sijil daripada Hafiz Haslen, Darussalam Assets
Wafi receiving his certificate

NEXNEWS: BAGAIMANAKAH AWANG AKAN MENGEMBANGKAN IDEA PERNIAGAAN SETERUSNYA? | HOW DO YOU PLAN TO TAKE YOUR BUSINESS IDEA FURTHER?

WAFI: Bertolak dari penyediaan landasan bagi para karyawan sehinggalah penyediaan ruang bagi semua para karyawan untuk berkumpul bagi semua keperluan kreatif mereka.

WAFI: *Evolving from just a platform of talents to clients to preparing a space where all creatives can come for all their creative needs.*

BENKEL MEMBUAT ROTI CANAI KUMPULAN KE-2 **ROTI CANAI MAKING WORKSHOP FOR BATCH 2**

Berikutan kejayaan bengkel pertama dua minggu lalu, 20 lagi rakan sekerja Nexus menyertai bengkel roti canai kedua yang dikendalikan oleh Chef Pravin dari Restoran Ratna Shah Fusion di Annajat. Bengkel yang menyeronokkan ini melibatkan satu persatu proses penyediaan roti canai termasuk mencampurkan bahan-bahan, membuat dan meratakan adunan, mengibarnya beberapa kali sebelum memasaknya diatas besi yang dipanaskan sehingga ia rangup dan coklat keemasan sedia untuk dimakan.

Following the success of the first workshop two weeks ago another 20 associates from Nexus decided to follow suit and joined the second roti canai workshop conducted by Chef Pravin from Ratna Shah Fusion Restaurant at Annajat. The fun-filled workshop which involved hands-on step by step process included mixing the ingredients, making and flattening the dough, flipping it several times before cooking it on a heated griddle until it becomes crispy and golden brown ready to eat.



Menyediakan adunan tepung | *Making the dough*



Meratakan adonan tepung | *Flattening the dough*



...dan mengibar roti | *and flipping it...*



Hasil yang sudah siap dan para peserta yang berpuas hati | *The finished product and satisfied participants*